

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : HASIL PENDAPATAN NEGERI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menambahkan hasil pendapatan selain daripada hasil cukai tanah?

JAWAPAN:

- a) Hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan iaitu hasil tanah, lombong, hutan, duti hiburan, terimaan berkenaan air mentah, sewa dan jualan harta Negeri, bayaran fi/ denda dan pelucuthakkan mahkamah selain mahkamah Persekutuan, faedah atas baki wang negeri, bayaran mengenai perkhidmatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri dan harta karun.

Hasil cukai tanah merupakan antara pendapatan utama kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, usaha-usaha lain masih diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Di antara langkah-langkah yang dirancang bagi mempelbagaikan sumber hasil Kerajaan Negeri selain hasil cukai tanah sedang dalam peringkat pemurnian dan semakan berkaitan undang-undang bagi hasil seperti :

- (i) Permit Khas sebagai kebenaran penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain tujuan pertanian (Perniagaan/ Industri Ringan) oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor;
- (ii) Mengenakan caj fi bagi pengeluaran kayu getah dan palma (kelapa/kelapa sawit) di dalam tanah diberimilik dan tanah Kerajaan sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) dan selaras dengan keputusan Majlis Perhutanan Negara Ke-71; dan
- (iii) Cadangan pemulihan dan penguatkuasaan melalui pengenaan permit penggunaan di kawasan pencerobohan dan penerokaan secara haram di

dalam sebahagian Hutan Simpan Kuala Langat Selatan oleh Jabatan Perhutanan Negeri;

- (iv) Mengenakan permit *Access Benefit Sharing* (ABS) iaitu permit bagi sumber *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik selaras dengan Akta Akses Kepada Sumber Biologi Dan Perkongsian Faedah 2017 (*Akta 795*). Pelaksanaan *Access Benefit Sharing* bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan dapat dipantau dan dikongsikan. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan;
- (v) Merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur) oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor. Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik; dan
- (vi) Melaksanakan semakan semula kadar caj perkhidmatan veterinar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 oleh Jabatan Veterinar Negeri Selangor kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar lama yang melebihi 10 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan induk untuk kesenian, kebudayaan dan warisan?

JAWAPAN:

- a) Semasa pembentangan Belanjawan Negeri Selangor pada 07 November 2019 yang lalu, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan bahawa Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) merupakan agensi yang diberi mandat bagi merangka, merancang dan melestarikan pembentukan Pelan Induk Pembangunan Seni Dan Budaya Negeri Selangor.

Pembentukan Pelan Induk ini dilihat sebagai usaha Kerajaan Negeri dalam mengenengahkan identiti dan jati diri rakyat Selangor yang hidup secara harmoni walaupun berbeza ras, bangsa dan agama. Seterusnya mampu memelihara keunikan dan kepelbagaian budaya serta adat resam masing-masing. PADAT telah mengenal pasti dan mula memartabatkan identiti seni dan budaya Selangor meliputi elemen-elemen warisan ketara (tangible heritage) dan tidak ketara (intangible heritage) seperti berikut:-

1. Semua aspek merangkumi kitaran hidup manusia semenjak ianya dilahirkan dan hingga kealam kematian.
2. Amalan pemakanan
3. Pakaian dan busana
4. Hiburan muzik dan sebagainya
5. Seni mempertahankan diri
6. Amalan aktiviti pertanian dan sebagainya

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi merealisasikan pembentukan Pelan induk ini, pihak PADAT telah mengadakan beberapa siri pertemuan bersama penggiat/ pengamal/ persatuan-persatuan/ agensi kerajaan dan swasta serta pihak akademik bagi mendapatkan maklumat dalam penyediaannya.

Mengikut perancangan PADAT, hasil perolehan ini sepatutnya dibentangkan dalam ***Konvensyen Identiti Seni Dan Budaya*** yang dirangka akan diadakan pada hujung tahun 2020, tetapi terpaksa ditunda ketahun hadapan.

Melalui pembentukan Pelan Induk ini adalah diharapkan ianya akan dapat membantu Kerajaan Negeri dalam usaha melahirkan sebuah masyarakat Selangor yang berbudaya tinggi, serta dijadikan sebagai teras kepada Selangor negeri maju dan modern mengikut acuan sendiri. Disamping itu elemen ini akan dapat dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan sektor industri pelancongan dan semua aktiviti hilirannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK MEGA DALAM NEGERI SELANGOR

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan projek-projek mega dalam Negeri Selangor walaupun suasana semasa amat mendesak kepada keperluan kewangan perlu diberi keutamaan kepada keselamatan dan kesihatan rakyat? Jika ya, sila jelaskan rasionalisasinya.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN GOLONGAN WARGA EMAS DI NEGERI SELANGOR

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk golongan Warga Emas di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) YAWAS hanya sebagai agensi pelaksana Program SMUE sahaja. Segala perancangan lanjut adalah berdasarkan keputusan dari Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : AHLI DEWAN NEGERI PEMBANGKANG

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi penggunaan peruntukan Ahli-Ahli Dewan Negeri Pembangkang yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri setakat kini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : UNJURAN SEKTOR EKONOMI NEGERI SELANGOR

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unjuran sektor ekonomi yang dijangkakan berlaku semasa pasca COVID-19 di Negeri Selangor?
- b) Berapa lamakah jangka masa untuk Kerajaan Negeri kembali ke landasan yang asal?

JAWAPAN:

- a) Sebelum COVID-19 melanda, daya saing Negeri Selangor sebagai sebuah wilayah di dalam ekonomi nasional menunjukkan tren yang sangat memberangsangkan dengan kadar peratusan sumbangan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melebihi 20 peratus saban tahun. Tren positif ini menunjukkan secara keseluruhannya Selangor mempunyai kelebihan kompetitif yang antara lain disebabkan oleh kelebihan lokasi, dasar kerajaan atau lain-lain faktor yang berfungsi sebagai penggalak kepada pertumbuhan sektor-sektor berkenaan. Setiap sektor didapati menunjukkan nilai positif kecuali sektor pembinaan dan subsektor utiliti, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.

Ini bermakna kadar pertumbuhan kebanyakan sektor (yang merekodkan nilai positif) di peringkat nasional bergerak lebih perlahan jika dibandingkan dengan Negeri Selangor (atau sektor di Selangor tumbuh lebih pantas). Kesemua sektor yang merekodkan nilai positif adalah merupakan sektor utama (*leading sectors*) untuk Selangor. Sektor pembinaan tidak mempunyai kelebihan kompetitif, dianggap sebagai sektor ketinggalan (*lagging sector*). Begitu juga dengan subsektor utiliti, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi di bawah sektor perkhidmatan.

Walaupun sebelum WHO mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik, kesan terhadap ekonomi telah mula dirasai di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Pada bulan April 2020, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan ekonomi dunia pada tahun ini akan menguncup pada kadar 3.0%. Sehingga kini kesan terhadap ekonomi didapati lebih serius daripada jangkaan awal, hinggan IMF telah menyemak semula unjuran pertumbuhan dunia kepada negatif 4.9% pada bulan Jun 2020. Saluran perdagangan yang terkesan oleh *lockdown* di Wuhan boleh dianggap sebagai kesan pusingan pertama. Ini kerana, China merupakan

ekonomi terpenting di dalam jaringan perdagangan dunia. Malaysia telah menerima kesan langsung di mana pengeluaran domestik telah mula terjejas kerana kesukaran untuk memperoleh bahan input perantaraan yang diimport dari China, lantas eksport negara telah mula terjejas.

Kesan yang lebih ketara terhadap ekonomi negara berlaku apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diwartakan pada 18 Mac 2020 mula diperkenalkan dan dianggap sebagai kesan pusingan kedua yang lebih serius terhadap ekonomi. Seperti pusingan pertama, gangguan terhadap ekonomi bermula dari kejutan penawaran domestik. Aktiviti pengeluaran bukan sahaja terganggu kerana kegagalan mendapatkan input barangan perantaraan dari China, malah gangguan yang lebih serius adalah kerana penutupan atau pengurangan operasi berpunca dari PKP. Dalam pada itu, kegagalan untuk memperoleh input perantaraan dari EU dan Amerika Syarikat turut berlaku apabila mereka turut melaksanakan *lockdown*. Kesan pusingan kedua ini memperkuatkan lagi kejutan penawaran di dalam ekonomi.

PKP turut menyebabkan sesetengah golongan pekerja kehilangan pendapatan. Antara lain, aktiviti perdagangan kecil-kecilan terbantut, pekerja kontrak kehilangan pendapatan dan pelbagai lagi kekangan terhadap aktiviti ekonomi yang memberi kesan kepada pendapatan individu. Penurunan pendapatan individu diterjemah secara langsung kepada penurunan penggunaan swasta di dalam ekonomi domestik yang merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi terpenting sejak kebelakangan ini. Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan ekonomi Malaysia untuk tahun ini akan tumbuh pada kadar di antara julat 0.5% dan -2.0% dengan mengambil kira pakej rangsangan ekonomi kerajaan. Namun BNM mengakui bahawa unjuran tersebut terdedah kepada risiko penurunan yang tinggi disebabkan oleh ketidakpastian penyelesaian isu pandemik ini. Semakan semula unjuran IMF pada bulan Jun menyaksikan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia dianggarkan pada kadar negatif 3.8%.

Namun begitu, secara umumnya, KDNK Selangor dijangka tumbuh lebih pantas daripada pertumbuhan ekonomi Malaysia kerana kelebihan kompetitif terutamanya dimiliki oleh dua sektor utama iaitu perkhidmatan dan pembuatan yang menyumbang lebih kurang dua pertiga kepada KDNK Selangor. Berdasarkan pertumbuhan KDNK nasional di dalam julat negatif 3.0% sehingga positif 0.5%, ekonomi Selangor dijangka akan tumbuh di antara negatif 1.5% sehingga positif 2.1%. Sebagai persediaan bagi menghadapi kesan akibat pandemik ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif dengan melantik perunding Econsult Consultancy and Training bagi melihat keseriusan impak kepada sektor

ekonomi di negeri Selangor dan merangka langkah-langkah bagi mengatasi serta memacu semula pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, pihak perunding telah mengemukakan unjuran pertumbuhan ekonomi negeri Selangor berasaskan kepada jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia di antara julat 0.5% dan negatif 3.0% seperti Jadual 1 di bawah.

Senario	Pertumbuhan KDNK 2020 (%)	
	Malaysia	Selangor
Senario A (0.5)	0.50	2.09
Senario B (-0.5)	-0.50	1.07
Senario C (-1.0)	-1.00	0.56
Senario D (-1.5)	-1.50	0.06
Senario E (-2.0)	-2.00	-0.45
Senario F (-2.5)	-2.50	-0.96
Senario G (-3.0)	-3.00	-1.47

Jadual 1: Unjuran KDNK 2020 pada Harga Malar 2015

Melihat kepada unjuran tersebut, Kerajaan Negeri yakin campur tangan dasar adalah amat penting untuk mengelakkan kitaran ekonomi dari terus mengalami kesan rantaian menurun, yang mana akan menyebabkan ekonomi terjebak di dalam kemelesetan yang meruncing. Dasar yang bersesuaian mampu membanteras kitaran ekonomi menurun akibat kesan dari interaksi permintaan dan penawaran dan seterusnya dapat mengelakkan dari keruntuhan ekonomi. Kedua-dua permintaan dan penawaran perlu ditingkatkan menggunakan dasar fiskal dan kewangan yang sesuai. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan sentiasa meneroka peluang dan ruang bagi membantu meringankan bebanan yang dialami oleh rakyat negeri Selangor dan seterusnya memacu semula pertumbuhan ekonomi negeri Selangor pada kadar yang selesa.

- b) Pandemik dan PKP memberi kesan kepada negara dengan ketara bermula April 2020. Semua pihak termasuk Negeri Selangor terkesan dari sudut sosial dan ekonomi oleh langkah dan prosedur operasi yang ketat yang dikenakan sepanjang bulan. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil tindakan agresif dan berusaha untuk meringankan beban golongan yang terlibat dengan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi – Selangor Prihatin Pertama dan Kedua bagi memastikan kesejahteraan rakyat, dengan semua inisiatif dan polisi yang proaktif untuk mempercepat pemulihan dan merencanakan penyertaan dalam pasaran buruh dengan gaji yang memuaskan menjadi keutamaan. Ini hanya dapat dilakukan dengan pemantauan rapi dan pelaksanaan semua inisiatif untuk

memastikan apa yang telah dirancang terlaksana dan dapat dinikmati oleh kumpulan sasar.

Selain itu, bagi memastikan kesediaan untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan melantik perunding Econsult Consultancy and Training bagi melihat keseriusan impak kepada sektor ekonomi di negeri Selangor dan merangka langkah-langkah bagi mengatasi serta memacu semula pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 2 Jun 2020 yang lalu menggariskan beberapa strategi jangka panjang yang perlu diterapkan di dalam pelan tindakan pembangunan ekonomi Negeri Selangor berdasarkan empat (4) teras asas iaitu:

- Teras Pertama : Membangunkan industri teras untuk pertumbuhan;
- Teras Kedua : Peningkatan produktiviti;
- Teras Ketiga : Menyediakan peluang pekerjaan; dan
- Teras Keempat : Membangunkan rantaian industri dengan memperkasa PKS

Berdasarkan kepada keempat-empat teras ini, penyusunan semula strategi untuk pemulihan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan untuk Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- Pertama : Mentransformasikan “Sectoral Island” kepada sebuah ekonomi yang kompleks

Sepertimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memutuskan pendekatan melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor untuk menjana pertumbuhan ekonomi seperti yang dibentangkan di dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019. Sembilan (9) kluster ini dilihat mampu menjadi ‘*game changer*’ untuk pembangunan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak mampu memaksimumkan penggunaan sumber ekonomi serta tidak berupaya meraih manfaat jika tiada interaksi antara sektor. Interaksi ini mampu menerbitkan aktiviti ekonomi baharu yang tidak difikirkan sebelumnya dan dasar kerajaan yang mampu menggalakkan interaksi ini dijangka akan menyediakan asas yang kukuh untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Penciptaan dasar strategik yang berjaya dan boleh dilaksanakan akan melihat kesemua aktiviti ekonomi sebagai suatu spektrum aktiviti yang kompleks dan saling berkaitan. Sebuah ekonomi yang kompleks mempunyai lebih ruang untuk pembangunan, berbanding sebuah ekonomi yang dipenuhi oleh pulau-pulau sektor.

Kedua : Membangunkan industri sebagai sumber pertumbuhan

Pemilihan industri asas penjana ekonomi di dalam setiap kluster perlu meliputi keseluruhan spektrum rangkaian nilai supaya kompleksiti ekonomi dapat ditingkatkan dan nilai tambah terhadap ekonomi dapat dimaksimumkan. Ianya bertepatan dengan teras pertama yakni membangunkan industri untuk sumber pertumbuhan. Dari sudut kerajaan, penggubalan dasar sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Ketiga : Mewujudkan Nukleus Pemangkin (Nucleus Catalyst)

Pemilihan satu kluster khusus untuk mewujudkan nukleus pemangkin yang akan melimpahkan aktiviti (spill-over) kepada kluster yang lain melalui rangkaian bekalan bersepadu adalah amat penting. Dengan mengenalpasti sebuah kluster pemangkin, ianya berpotensi untuk mencetuskan aktiviti ekonomi yang baru dan seterusnya menghasilkan pekerjaan dan mendorong kepada peningkatan produktiviti.

Keempat : Penubuhan sebuah entiti sebagai fasilitator

Salah satu cabaran di dalam merealisasikan strategi yang dirancang dengan baik adalah dari segi pelaksanaannya. Untuk memastikan pelaksanaan yang efektif dan sumber digunakan secara optimum, sebuah entiti perlu dibentuk agar memudahkan pelaksanaan strategi. Fungsi utama entiti adalah untuk mengenalpasti secara berterusan industri dan aktiviti yang akan ditumpukan. Ini bermakna elemen kedinamikan industri dan pasaran perlu diterapkan di dalam strategi pembangunan. Segala perubahan yang berlaku ke atas industri dan pasaran perlu diberi perhatian. Entiti tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti kedinamikan tersebut melalui penyelidikan dan pembangunan serta latihan. Entiti ini perlu bertindak sebagai sebuah pusat pengumpulan dan penganalisis maklumat yang relevan untuk tugas utamanya, pengenalpastian berterusan industri berpotensi, menghubungkan industri dalam dan luar kluster khususnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta mendorong kepada peningkatan produktiviti. Entiti ini juga akan menyediakan platform untuk melatih kakitangan Kerajaan Negeri yang berkaitan dalam memahami dan melaksanakan aktiviti ekonomi yang telah dikenalpasti. Akhirnya, entiti ini juga perlu menjadi platform untuk latihan kepada bakal usahawan supaya mereka dilengkapi dengan

pemikiran yang relevan, maklumat, kemahiran, dan pengetahuan tentang menjalankan aktiviti berkenaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyediakan Malaysia Economic Statistics Review (MESR) siri 2/2020 yang memaparkan statistik ekonomi dan sosial terkini serta impak COVID-19 kepada negara serta memberikan petunjuk awal tentang jangkaan prestasi ekonomi pada suku kedua 2020. Indeks Pelopor memberikan isyarat awal tentang arah tuju ekonomi di masa akan datang yang menunjukkan prestasi ekonomi Malaysia menguncup dalam tempoh terdekat. Menjelang suku tahun keempat tahun 2020, ekonomi dijangka pulih secara beransur-ansur sekiranya gelombang kedua penularan wabak ini dapat dihindarkan.

Oleh yang demikian, tiada jangka masa tertentu yang dapat diberikan oleh mana-mana pihak dalam menentukan pemulihan ekonomi di dalam negara mahupun di Negeri Selangor. Pemulihan tersebut bergantung kepada pelbagai faktor luaran dan dalaman yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak terlibat sama ada pihak kerajaan, penggiat industri mahupun rakyat. Walau bagaimanapun, Negeri Selangor sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara tidak punya pilihan lain melainkan menjadi peneraju yang merintis jalan ke arah pemulihan yang pantas. Demi merealisasikan cita-cita ini kita memerlukan sokongan setiap individu, setiap institusi serta agensi kerajaan dan pentingnya Kerajaan Negeri mempunyai hubungan simbiotik yang profesional demi kebaikan rakyat Negeri Selangor khususnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PENGUSAHA KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DALAM MENGHADAPI
WABAK COVID-19**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada majikan dalam usaha untuk mengurangkan pembuangan pekerja oleh syarikat mereka?
- b) Apakah bantuan yang diberikan kepada mereka yang terpaksa dibuang kerja?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memberi fokus kepada usahawan bagi merancakkan ekonomi secara umum melalui pelbagai bantuan kepada para usahawan dan pemilik perniagaan. Antaranya ialah pemberian bantuan secara langsung dan pemberian moratorium serta penangguhan bayaran sewa premis perniagaan. Berikut merupakan perincian bantuan-bantuan tersebut:-

- i. **Bantuan tunai *one-off* RM500.00 kepada peniaga**

- Bantuan ini diberikan kepada peniaga dan penjaja yang berdaftar dengan PBT melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM40 juta.

- ii. **Moratorium pinjaman mikrokredit HIJRAH Selangor.**

- Peminjam daripada HIJRAH Selangor diberi penangguhan bayaran pinjaman selama 3 bulan dari 18 Mac 2020 hingga 15 Jun 2020. Bantuan ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM70 juta.

- iii. **Pengecualian sewa premis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- Peniaga yang menyewa di premis PBT diberikan pengecualian sewaan 1 bulan pada April 2020 yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM12 juta.

- b) Manakala bagi mereka yang dibuang kerja, terdapat beberapa program dan bantuan disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan untuk meningkatkan nilai sendiri dan menjana ekonomi keluarga. Berikut merupakan antara program dan bantuan yang boleh disertai oleh golongan tersebut:

- i. **Latihan keusahawanan**

lanya berbentuk siri latihan keusahawanan secara atas talian dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan beberapa moderator kursus yang terpilih. Intipati kursus adalah modul mudah yang meliputi jualan, pemasaran dan kewangan secara atas talian. Peserta dibimbing untuk mudah membina perniagaan dalam masa yang singkat Selain itu, UPEN sedang merangka penganjuran latihan di dewan seminar memandangkan penurunan kes COVID19 dan aktiviti ekonomi telah dibenarkan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

ii. Klinik Usahawan Selangor

Penubuhan Klinik Usahawan Selangor dalam masa terdekat adalah bertujuan untuk memberi bantuan dan khidmat nasihat perniagaan dari aspek urus tadbir, pemasaran, pengurusan kewangan dan peluang pembiayaan. Ia juga bertujuan untuk membimbing secara menyeluruh dalam perniagaan dan menyelesaikan masalah, ketidakupayaan dan kekangan yang membantutkan pengembangan perniagaan. UPEN Selangor bekerjasama dengan BPU, PKNS memandangkan agensi tersebut berfungsi sebagai organisasi yang terlibat dengan pembangunan usahawan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KESAN WABAK COVID-19 DALAM NEGERI SELANGOR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jenis perniagaan yang paling terjejas akibat wabak COVID-19 di Selangor.

JAWAPAN:

a) Merujuk kepada makluman rasmi yang telah diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada tarikh 25 Jun 2020 melalui Portal Rasmi Majlis Keselamatan Negara, SOP PKP Pemulihan, bahawa Aktiviti Pusat-Pusat Hiburan (Pusat Hiburan Keluarga, Pusat Hiburan Awam, Pusat Hiburan Istirehat (kecuali perniagaan restoran di dalam pub dan kelab malam) dan aktiviti Urutan Tradisional dan masih tidak dibenarkan untuk beroperasi dan merupakan perniagaan yang paling terjejas akibat wabak Covid-19 di Malaysia.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian yang dibuat hampir semua sektor perniagaan terjejas ekoran wabak pandemik Covid-19 di Selangor khususnya melibatkan aktiviti berikut:

- i. Penjaja;
- ii. Pelancongan;
- iii. Sukan/hiburan; dan
- iv. Aktiviti sukan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : MEMARTABATKAN GOLONGAN WANITA DI NEGERI SELANGOR

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam memartabatkan serta memperkasakan golongan wanita di Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEKERJA ASING DAN PELARIAN ROHINGYA DI SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan taburan pekerja asing dan pelarian Rohingya yang menetap di Selangor mengikut daerah dan bilangan.
- b) Memandangkan ujian saringan jangkitan COVID-19 yang mahal, bagaimana Kerajaan Negeri memastikan bahawa wabak tidak berlaku di kalangan pekerja asing dan pelarian?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), bilangan pekerja asing yang memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) di Negeri Selangor pada tahun 2019 ialah seramai 602,739 orang yang dibenarkan bekerja dalam sektor-sektor termasuklah Perkilangan, Pembinaan, Perladangan, Perkhidmatan, Pertanian, Perlombongan/ Pengkuarian dan sektor Pembantu Rumah Asing (PRA). Jabatan ini tidak mempunyai rekod mengikut taburan daerah di negeri ini. Manakala bagi pelarian Rohingya, Jabatan ini tidak mempunyai rekod memandangkan mereka tidak pernah didaftarkan.

Maklumat Tambahan

Pecahan Pekerja Asing di Negeri Selangor mengikut sektor:

i.	Perkilangan	-	220,163 orang
ii.	Pembinaan	-	158,273 orang
iii.	Perladangan	-	29,954 orang
iv.	Perkhidmatan	-	120,194 orang
v.	Pertanian	-	21,062 orang
vi.	Perlombongan/ Pengkuarian	-	26 orang
vii.	Pembantu Rumah Asing	-	53,067 orang
	Jumlah	-	<u>602,739 orang</u>

- b) Beberapa strategi telah dirangka di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor serta di peringkat pejabat-pejabat kesihatan daerah di seluruh Selangor

bagi mengelakkan wabak Covid-19 di kalangan pekerja warga asing serta pelarian, antaranya ialah:

1. Menjalankan ujian saringan di sektor-sektor pekerjaan yang menggaji pekerja warga asing secara berfokus dan berkala.
2. Menjalankan engagement dengan para majikan serta pemantauan ketat secara multi-agensi di sektor-sektor pekerjaan ini bagi memastikan mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.
3. Bagi kes-kes positif yang melibatkan warga asing, saringan kontak diperluaskan melibatkan kejurangan, kawasan tempat kerja dan tempat-tempat tumpuan warga asing dan tidak hanya tertumpu kepada kontak rapat sahaja.
4. Bagi golongan pelarian atau PATI, kerjasama diwujudkan antara pihak Kesihatan dan agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan golongan ini seperti Jabatan Imigresen, PDRM serta NGO-NGO bagi mengenalpasti keberadaan golongan ini untuk diambil tindakan seterusnya dijalankan ujian saringan ke-atas mereka.
5. Bagi PATI yang ditahan, ujian saringan dijalankan bagi memastikan mereka bebas dari covid-19 sebelum mereka dimasukkan ke pusat-pusat tahanan dan bercampur bersama tahanan yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberkesanan tindakan yang diambil oleh LPHS terhadap aktiviti penyewaan Rumah Selangorku terhadap warga asing dan warga tempatan?
- b) Adakah pihak Kerajaan Negeri telah merangka undang-undang kecil tambahan yang merangkumi peruntukan mengenakan tindakan punitif kepada pemilik Rumah Selangorku yang menyewakan rumah mereka?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, peranan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dalam menangani aktiviti penyewaan Rumah Selangorku (RSKU) adalah tertakluk kepada bidangkuasa yang ada selagimana ia tidak melangkaui peruntukan undang-undang bertulis sedia ada.

Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2013 menyatakan antara syarat kelayakan untuk permohonan pemilikan Rumah Selangorku (RSKU) Jenis B, C dan D ialah pembelian RSKU tersebut adalah untuk didiami dan bukan untuk disewa.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan dasar di atas tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana apa-apa dasar yang dibuat tidak boleh melangkaui peruntukan sedia ada dalam **Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan** yang telah menyatakan hak kepada warganegara Malaysia untuk memiliki harta dan kebebasan untuk berurusan dengan harta tersebut.

Oleh yang demikian, tindakan penguatkuasaan yang akan diambil boleh membawa kepada pertikaian undang-undang kerana ianya berlawanan atau ***ultra vires*** dengan **Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan**.

Selain dari itu, peruntukan undang-undang bertulis yang lain seperti **Seksyen 92 dan Seksyen 340 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN)** secara jelas menyatakan bahawa pendaftaran hakmilik atau kepentingan memberikan **hak yang tidak boleh disangkal (*indefeasible of title*)** kepada seorang pembeli untuk membuat urusan yang dibenarkan di bawah KTN termasuklah tenansi/ penyewaan.

Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan sebarang bentuk pertikaian undang-undang maka LPHS melalui Pekeliling LPHS Bilangan 1 Tahun 2018 yang berkuatkuasa 2 April 2018 **tidak lagi menyatakan** antara salah satu syarat permohonan RSKU adalah untuk didiami dan bukan untuk disewa.

Walau bagaimanapun, bagi melaksanakan peranan, fungsi dan bidangkuasa LPHS terutama dalam pengawalan pemilikan hartanah RSKU sebagai hartanah harga kawalan maka LPHS dari masa ke semasa turut melaksanakan kawalan terhadap isu-isu berkaitan RSKU.

Untuk makluman Yang Berhormat, LPHS akan mengambil tindakan dengan membuat siasatan di lokasi bagi setiap aduan yang dikemukakan berhubung dengan isu penyewaan RSKU untuk mendapatkan pengesahan terhadap aduan tersebut selaras dengan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 6 Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001 dalam melaksanakan arahan pihak Berkuasa Negeri.

LPHS sentiasa peka terhadap implikasi yang timbul ekoran dari penyewaan oleh pemilik RSKU dengan mengenalpasti elemen-elemen kesalahan yang wujud akibat dari aktiviti penyewaan tersebut. LPHS juga sentiasa berkolaborasi dengan agensi-agensi lain bagi menguatkuasakan tindakan di bawah akta dan peraturan yang berkaitan bagi membendung gejala negatif yang timbul akibat penyewaan.

Antara lain adalah bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan melalui peruntukan di bawah Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) bagi kesalahan seperti pengubahsuaian tanpa kelulusan, pendawaian haram, kepadatan sesak dan kacau ganggu.

Selain dari itu, LPHS turut bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor bagi melaksanakan operasi bersepadu sekiranya penyewaan tersebut melibatkan kehadiran warganegara asing yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63. Tindakan terhadap pemilik RSKU juga boleh dikenakan di bawah Seksyen 55(1)(d) iaitu kesalahan memberi perlindungan kepada pesalah imigresen seperti di atas.

Sehingga kini LPHS mendapat kerjasama yang positif daripada setiap agensi yang terlibat dalam mengambil tindakan terhadap salahlaku yang timbul akibat aktiviti penyewaan mengikut peruntukan dan peraturan bertulis di bawah bidang kuasa masing-masing.

Bagi meningkatkan keberkesanan terhadap tindakan ke atas aktiviti penyewaan yang yang memberi impak negatif kepada penduduk sekitar, LPHS turut mengesyorkan agar Pesuruhjaya Bangunan atau Pihak Pengurusan untuk mengambil tanggungjawab sewajarnya bagi menguatkuasakan undang-undang kecil dengan membuat langkah-langkah kawalan di bawah **Jadual Ketiga Peraturan–Peraturan Strata 2013 (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2015** khusus untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan penghuni kediaman strata.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, pemilik Rumah Selangorku melalui Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu mematuhi Undang-Undang Kecil di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2015 di mana salah satu fungsi perbadanan pengurusan adalah untuk mentadbir dan menguatkuasa undang-undang kecil dan apa-apa undang-undang kecil tambahan yang diperbuat di bawah Akta. Tindakan punitif iaitu denda boleh dikenakan terhadap mana-mana pemilik yang tidak mematuhi undang-undang kecil dan undang-undang tambahan.

Selain daripada itu, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah merangka Manual Pengurusan dan Penyelenggaraan Rumah Selangorku iaitu satu manual berhubung tatacara seragam pengurusan serta penyelenggaraan bagi Rumah Selangorku sebagai langkah pencegahan serta pengawalan daripada permasalahan kepenghunan yang telah dikenalpasti daripada terus berulang. LPHS melalui Pesuruhjaya Bangunan akan mengeluarkan direktif kepada Jawatan kuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) untuk menerimapakai Manual ini bagi melengkapi undang-undang kecil tambahan yang terpakai di bawah Akta tersebut asalkan undang-undang kecil tambahan tersebut tidak bercanggah dengan mana-mana Akta, Peraturan atau Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan dan mendapat persetujuan daripada pemilik melalui Mesyuarat Agung Tahunan bagi skim pemajuan tersebut.

Objektif Manual ini adalah sebagai garis panduan dan *standard of operation* (SOP) kepada pemaju, JMB dan pemilik untuk membolehkan pengurusan dan penyelenggaraan dibuat secara teratur dan sempurna. Manual ini juga memberikan pendedahan awal kepada bakal pemilik Rumah Selangorku tentang dasar pemilikan rumah mampu milik Negeri Selangor dan terma kawalan tatacara kepenghunan bagi bertujuan untuk memelihara kesejahteraan penghuni daripada masalah kacau ganggu, kapasiti penuh sesak dan lain-lain yang boleh mengugut keselamatan dan kenikmatan pemilik skim strata secara khususnya.

Manual ini akan dilaksanakan dan diselaraskan dengan undang-undang berkaitan penyewaan iaitu Akta Sewaan Kediaman setelah ia dimuktamadkan di peringkat Kerajaan Persekutuan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RUMAH BARU DI DALAM PASARAN NEGERI SELANGOR

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rumah yang baru dibina di dalam pasaran dan masih belum dapat dijual kepada orang awam di dalam Negeri Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat menyenaraikan jumlah rumah tersebut mengikut jenis rumah dan harga?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : MASALAH PENGURUSAN JMB

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah usia rumah-rumah pangsa yang berada di Daerah Klang?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menghidupkan kembali JMB di rumah-rumah pangsa yang telah berusia lebih daripada 20 tahun?
- c) Berapakah jumlah terkini JMB yang aktif dan yang tidak aktif di dalam Daerah Klang?

JAWAPAN:

- a) Usia rumah-rumah pangsa yang berada di dalam Daerah Klang boleh dikategorikan seperti berikut:-

USIA BANGUNAN	BILANGAN BANGUNAN
< 1 – 10	93 (5.59%)
11 – 20	678 (40%)
20 DAN KE ATAS	890 (53%)

- b) Di antara usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menghidupkan kembali JMB di rumah-rumah pangsa yang telah berusia lebih daripada 20 tahun adalah dengan melakukan program-program bersama JMB/ MC. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai program latihan kepada JMB/ MC dalam memberi pendidikan, kesedaran dan juga bantuan peruntukan kewangan bagi menjayakan program latihan tersebut. Di antara program yang telah dilakukan adalah seperti:-
 - i) Kursus Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Berstrata;
 - ii) K-SQUAD (Bantuan Ejen Pengurusan);
 - iii) SEROJA (Bantuan Keselamatan);

- iv) SKORA (Program Pendidikan Pengurusan Strata ke sekolah-sekolah Daerah Klang);
 - v) SAFWA (Bantuan rebet air)
- c) Di daerah Klang terdapat sebanyak 161 skim pemajuan berstrata. Daripada jumlah itu, sebanyak 156 skim telah berjaya menubuhkan JMB/ MC. Daripada jumlah tersebut, 76 JMB/ MC adalah aktif dan baki 80 lagi JMB/ MC adalah tidak aktif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : GUGUSAN INDUSTRI SOKONGAN PELABUHAN DAN MARITIM

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Gugusan Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim yang dikenalpasti di Pelabuhan Klang, Pulau Indah, Telok Gong dan Sijangkang?
- b) Apakah perancangan pembangunan jangka panjang Pulau Indah dan Telok Gong yang akan dilakukan pada tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Kluster Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim merupakan salah satu kluster di bawah inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor yang merangkumi empat (4) kawasan utama di bahagian barat Selangor iaitu Pelabuhan Klang, Pulau Indah, Sijangkang dan Telok Gong. Pada tahun lalu, Kerajaan Negeri Selangor melalui UPEN telah menjalankan beberapa sesi lawatan ke kawasan Pulau Indah, Klang. Hasil lawatan tersebut, terdapat potensi ekonomi sedia ada yang perlu dikembangkan iaitu Pelancongan Pelayaran Mewah (Cruise Tourism) di Boustead Cruise Center (BCC), Pelabuhan Klang.

Pelancongan Pelayaran Mewah merupakan salah satu cabang segmen pelancongan Negeri Selangor yang semakin berkembang pesat. Pada tahun 2018 - 2019, jumlah kemasukan pelancong pelayaran mewah melalui terminal pintu masuk BCC, Pelabuhan Klang, adalah seramai 895,756 pelancong dari pelbagai destinasi antarabangsa.

Pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor melihat potensi Pelancongan Pelayaran Mewah ini mampu dipertingkatkan lagi supaya menjadi destinasi utama dan terkenal di rantau Asia dengan disokong oleh pembangunan serta potensi sedia ada di sekitar kawasan Pelabuhan Klang seperti Pembangunan Selangor Maritime Gateway (SMG), *Royal Klang Town Heritage Walk* dan lain-lain.

Bagi tujuan ini juga, Jawatankuasa di bawah Kluster Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim telah merangka pelan tindakan jangka masa pendek bagi mempertingkatkan sektor Pelancongan Pelayaran Mewah antaranya:

- i) Penambahbaikan dan penaiktarafan kerja-kerja fizikal jalan di Persiaran

- Pelabuhan Barat;
 - ii) Pemasangan *hoarding*;
 - iii) Penambahbaikan landskap;
 - iv) Pembinaan pusat informasi pelancongan dan kraftangan Selangor di dalam Boustead Cruise Center (BCC); dan
 - v) Pelaksanaan Program *Selangor Agro Market* (SAM)
- b) Merujuk Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (MPK) 2035 beberapa cadangan telah diadakan untuk kawasan Pulau Indah antaranya seperti berikut:
 - i. Cadangan Universiti Maritim di Pulau Indah;
 - ii. Cadangan Rancangan Kawasan Khas bagi pengekalan kawasan kampung-kampung tradisi di Tanah Rezab Melayu Pulau Indah;
 - iii. Cadangan pembangunan semula kawasan *brownfield* di Bandar Armada Putera; dan
 - iv. Cadangan jambatan baru dari North Port ke Pulau Indah.

Manakala bagi pembangunan jangka masa panjang Telok Gong, pihak MPK akan mengadakan satu pelan induk infrastruktur pada tahun 2020 bagi menambahbaik kemudahan awam, infrastruktur dan utiliti di kawasan Telok Gong. Pelan induk ini disediakan dengan tujuan seperti berikut:

- i. Memastikan pembangunan infrastruktur yang dirancang mengikut piawaian dan keperluan setempat.
- ii. Memastikan penduduk setempat mendapat kemudahan yang baik dan sempurna.
- iii. Memastikan perancangan pembangunan infrastruktur menjamin kesejahteraan kehidupan penduduk setempat dari aspek keselamatan, kesihatan dan sosial.
- iv. Mengenalpasti langkah-langkah penambahbaikan bagi kawasan-kawasan yang mempunyai konflik gunatanah yang memberi kesan kepada penduduk setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri dapat menyenaraikan hotspot Wifi Selangorku secara terperinci di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang?
- b) Berapakah jumlah modem yang masih berfungsi dan yang tidak berfungsi atau rosak?
- c) Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah Wifi Smart Selangor yang gagal berfungsi?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : E-KASIH

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri masih ingin meneruskan penggunaan sistem e-Kasih bagi permohonan Kad Kasih Ibu Smart Selangor dan Kad Peduli Sihat?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menghadapi apa-apa kekangan dalam mengakses data dan maklumat e-Kasih pada masa kini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, buat masa ini pelaksanaan Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) masih diteruskan dengan menggunakan data-data dari sistem Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) yang mengandungi maklumat sahih mengenai kemiskinan individu dan ianya juga menjadi tanda aras kepada penerima Program KISS bahawa mereka memerlukan bantuan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat yang berkeluarga bagi meringankan bebanan mereka.

Justeru itu, bagi membolehkan permohonan mereka layak untuk dipertimbangkan, pemohon atau pasangan mereka perlu berdaftar di dalam sistem eKasih yang kemudian akan dikategorikan sebagai kategori miskin atau miskin tegar.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak menghadapi sebarang kekangan dalam mengakses ke dalam pengkalan data eKasih dan sentiasa mendapat kerjasama erat daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) untuk memastikan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan dicapai khususnya dalam menjayakan pelaksanaan program-program Kerajaan Negeri demi manfaat rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SKIM BANTUAN ASUHAN ANAKKU PINTAR

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2017 sehingga kini mengikut DUN?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang berjaya dari tahun 2017 sehingga kini mengikut DUN?
- c) Berapakah jumlah permohonan yang tidak berjaya dan nyatakan sebab permohonan tersebut gagal?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

YAWAS hanya mempunyai laporan tahunan, jadual berikut merupakan jumlah pendaftaran dari tahun 2017 sehingga kini:

Tahun	Berjaya	Gagal	Jumlah
2017	460	217	677
2018	528	132	660
2019	742	63	805
2020	685	2	687
Jumlah	2,415	414	2,829

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENGINDAHAN DAN MENCERIAKAN PEKAN PELABUHAN KLANG

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam mengindahkan dan menceriaikan Pekan Pelabuhan Klang sejajar dengan gelaran pelabuhan ke-12 terbesar di dunia?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada Draf Rancangan Tempatan MPK 2035, cadangan perancangan mengindahkan dan menceriaikan pekan Pelabuhan Klang adalah seperti berikut:
- i) Cadangan pemuliharaan semula kedai di deretan Jalan Kem;
 - ii) Mewujudkan kiosk info pelancongan di Jeti penumpang Pelabuhan Klang.

Di samping itu juga, Majlis Perbandaran Klang mempunyai perancangan landskap untuk bandar Pelabuhan Klang seperti berikut:

- i) Konsep – pihak Majlis dalam usaha untuk membangun dan membentuk imej Bandar Pelabuhan Klang berasaskan fungsinya sebagai sebuah bandar pelabuhan, perdagangan, perniagaan dan perkhidmatan, pemilihan konsep “Bandar Maritim Diraja” dilihat mampu menjadikan Pelabuhan Klang sebagai sebuah bandar yang dinamik serta mampan;
- ii) Mengoptimumkan keunikan kawasan pelabuhan dan kawasan pesisir lautnya disamping memelihara seni bina warisan di pusat bandar yang mempunyai nilai tersendiri;
- iii) Mewujudkan bandar yang mempunyai sistem kemudahsampaian tinggi untuk semua penduduk dengan mengambil kira golongan kurang upaya;
- iv) Meningkatkan kualiti fizikal bandar melalui kepelbagaian tata ruang dan aktiviti yang bersesuaian bagi mewujudkan sebuah bandar yang dinamik dan berkembang;
- v) Cadangan pembangunan landskap Pelabuhan Klang gerbang masuk atau titik ketibaan bandar;

- vi) Landskap jalan dan jalanan hijau – landskap jalan merupakan kawasan dan aspek yang paling penting dalam pembangunan bagi menaiktaraf landskap sesebuah bandar. Bagi mewujudkan rangkaian jalinan hijau, ia perlu merangkumi kawasan hijau di pinggir jalan, kawasan lapang dan pesisir pantai ataupun sungai. Jalinan hijau ini berfungsi merangka laluan yang menghubungkan kesemua kawasan hijau yang terdapat di dalam bandar seperti taman poket yang berfungsi sebagai ruang interaksi komuniti masyarakat setempat. Jalinan hijau yang menyeluruh mampu menstabilkan ekologi kawasan bandar sekaligus membantu menyeimbangkan suhu di sekitar kawasan bandar tersebut.
- vii) Menaiktaraf jenis lampu kepada 'decorative pole'.
- viii) Menaiktaraf kepada lampu LED.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KUOTA BUMIPUTERA PERUMAHAN DI NEGERI SELANGOR

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perumahan di bawah kuota bumiputera yang masih belum dapat dijual? Sila senaraikan mengikut DUN.
- b) Adakah Kerajaan Negeri membenarkan pertukaran kuota pemilikan bumiputera sekiranya terdapat rumah di bawah kuota bumiputera yang masih tidak terjual? Jika ya, apakah prosesnya?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak mempunyai data yang komprehensif mengenai jumlah perumahan di bawah kuota Bumiputera yang masih belum dijual. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya menubuhkan satu *Task Force* yang dipengerusikan oleh Exco Perumahan Dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor bagi menyelaraskan data hartanah harga bebas yang tidak terjual (*overhang units*) mengikut jenis, harga jualan serta kuota Bumiputera di Negeri Selangor.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak menghalang pertukaran kuota pemilikan Bumiputera kepada bukan Bumiputera sekiranya terdapat rumah di bawah kuota Bumiputera yang masih tak terjual. Namun begitu, ianya perlu mematuhi beberapa kriteria seperti yang termaktub di dalam Mekanisma Penyelenggaraan Kuota Bumiputera Negeri Selangor yang berkuatkuasa pada 11 Ogos 2011.

Mekanisma Penyelenggaraan Kuota Bumiputera Negeri Selangor ini sebagai panduan kepada semua agensi kerajaan dan swasta khususnya pemaju dalam proses permohonan pelepasan unit-unit hartanah kuota Bumiputera termasuklah kategori perumahan. Pemaju boleh memohon untuk pelepasan kuota Bumiputera melalui empat (4) peringkat berdasarkan kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Antara kriteria dan syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju sebelum sesuatu rayuan permohonan pelepasan kuota Bumiputera diberikan, pemaju perlu mengemukakan beberapa maklumat atau aktiviti kepada LPHS seperti berikut:

- i) Laporan projek yang mengandungi statistik jualan;
- ii) Salinan keratan akhbar-akhbar tempatan termasuklah akhbar Selangorkini, majalah, portal (website) yang mempromosikan hartanah-hartanah milik pemaju;
- iii) Salinan Sijil Perakuan Arkitek yang menunjukkan kemajuan projek di tapak;
- iv) Menyertai pameran hartanah Bumiputera yang dianjurkan samada oleh pihak LPHS atau swasta.

Selain itu, pemaju perlu terlebih dahulu menjual kesemua unit-unit hartanah kuota bukan Bumiputera sebelum boleh memohon untuk pelepasan kuota Bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, peringkat-peringkat pelepasan kuota Bumiputera terbahagi kepada empat (4) peringkat seperti berikut :

1) Peringkat Pertama – Kemajuan Projek 50%

- i) Semua unit-unit hartanah bukan Bumiputera habis dijual.
- ii) Kemajuan projek di tapak mencapai 50% berdasarkan kepada Sijil Perakuan Arkitek.
- iii) Pemaju telah mempromosikan unit-unit hartanah berkenaan termasuklah mengiklankan di akhbar-akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.

2) Peringkat Kedua – Kemajuan Projek 75%

- i) Semua unit-unit hartanah yang mendapat pelepasan kuota Bumiputera di Peringkat Pertama habis dijual dan telah membuat bayaran potongan harga Bumiputera kepada LPHS.
- ii) Kemajuan projek di tapak mencapai 75% berdasarkan kepada Sijil Perakuan Arkitek.
- iii) Pemaju telah mengiklankan di akhbar-akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris serta di Selangorkini.

3) Peringkat Ketiga – Siap dan mendapat CF/CCC

- i) Semua unit- unit hartanah yang mendapat pelepasan kuota Bumiputera di Peringkat Kedua habis dijual dan telah membuat bayaran potongan harga Bumiputera kepada LPHS.
- ii) Kemajuan projek siap 100% dan mendapat CF/ CCC berdasarkan kepada Sijil Perakuan Arkitek.
- iii) Pemaju telah menyertai pameran hartanah yang dianjurkan samada oleh pihak LPHS mahupun pihak swasta.
- iv) Pemaju telah mengiklankan di akhbar- akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.

4) Peringkat Keempat – 6 bulan selepas mendapat CF/CCC

- i) Semua unit- unit hartanah yang mendapat pelepasan kuota Bumiputera di Peringkat Ketiga habis dijual dan telah membuat bayaran potongan harga Bumiputera kepada LPHS.
- ii) Projek telah mencapai enam (6) bulan selepas mendapat CF/CCC berdasarkan kepada Sijil Perakuan Arkitek.
- iii) Pemaju telah mengiklankan di akhbar- akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.

Walau bagaimanapun, setiap pelepasan kuota Bumiputera yang diberikan, pemaju di kehendaki membuat bayaran balik potongan harga seperti berikut :

- i) Bangunan Kediaman – 7% daripada harga jualan bagi setiap unit yang diberikan pelepasan.
- ii) Bangunan Perniagaan – 10% daripada harga jualan bagi setiap unit yang diberikan pelepasan.
- iii) Perusahaan/ Industri – 10% daripada harga jualan bagi setiap unit yang diberikan pelepasan.

Kesemua bayaran tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Tabung Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera Dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Hartanah Harga Kawalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : RODA DARUL EHSAN (RIDE) 2020 SUBSIDI PENGAMBILAN LESEN
MOTOSIKAL**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan berjaya?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang ditolak dan berikan sebab mengapa permohonan tersebut ditolak?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tiada permohonan yang diterima dan berjaya kerana penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan menyebabkan program RIDE ditangguhkan.
- b) Setakat ini, tiada saringan diterima dan ditolak kerana Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) belum membuka peluang permohonan.
- c) Tiada peruntukan yang dibelanjakan kerana program RIDE masih belum dilaksanakan.